



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**  
Faks : **03-8888 9528**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Blog : [www.ourdifferentview.com](http://www.ourdifferentview.com)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](http://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM LANCAR KEMPEN GEMPUR DIDIK PENJAWAT AWAM PERANGI RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini melancarkan Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah atau GEMPUR bagi mendidik penjawat awam supaya menolak sebarang bentuk tawaran atau pemberian rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad melancarkan kempen ini serentak di seluruh negara bersempena Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) Siri 2/2018 yang memfokus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kempen berslogan 'Anda Hulus, Kami Lapor' ini merupakan penjenamaan semula kepada kempen 'Perangi Pemberi Rasuah' yang dilaksanakan pada tahun 2010.

Melalui pelaksanaan kempen GEMPUR, SPRM mahu memberi peringatan kepada penjawat awam agar menolak rasuah dan melaporkan perbuatan tersebut kepada SPRM, pada masa yang sama mendidik orang ramai agar tidak sesekali menawarkan rasuah kepada penjawat awam.

Bagi memastikan keberkesanan kempen ini, GEMPUR akan menyasarkan tiga kumpulan iaitu penjawat awam yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan, perolehan dan perlesenan.

Kempen ini juga selaras dengan sasaran SPRM iaitu untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa, malah pelengkap kepada Kempen 3J (Jangan Hulus, Jangan *Kawtim*, Jangan *Settle*) yang dilancarkan sebelum ini.

Turut hadir pada majlis pelancaran ini ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin Abd Aziz; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Sri Azam Baki; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd. Jamil dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Jaafar Mahad.

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

**13 FEBRUARI 2018**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui pengubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).